

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN :

**TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta PERDANA
MENTERI menyatakan**

- (a) apakah perkembangan dan pencapaian pembangunan Biomasa di Malaysia; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai insentif kepada pengilang kelapa sawit bagi membangunkan keupayaan menjana kuasa melalui teknologi Biomasa.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Strategi Biomas Nasional (NBS 2020) telah dilancarkan pada tahun 2011. Pelaksanaan strategi ini diperkukuhkan melalui Kumpulan Pelaksana Khas Biomas 1Malaysia (1MBAS) yang diterajui oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM). Projek berkaitan dengan biomas kelapa sawit turut dikenal pasti di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu EPP No. 5 dan EPP No. 7. Melalui usaha-usaha ini, antara pencapaian sektor Biomas dalam negara ialah:

- (i) Pembentukan kelompok usahasama biomas di Lahad Datu yang mampu mencapai keupayaan pengeluaran lebih daripada 400,000 tan metrik biomas setahun;
- (ii) Pembinaan kilang perintis "biomas kepada gas" etanol Malaysia yang pertama dan terbesar di Asia bernilai USD300 juta djangka siap pada akhir tahun 2016 melalui kerjasama di antara syarikat perladangan dari Sarawak dan syarikat dari Itali;
- (iii) Penubuhan Pertubuhan Pelet Malaysia (PAM) sebagai usaha memenuhi permintaan pelet biomas yang semakin meningkat di Asia. Perjanjian bersama syarikat-syarikat dari China dan Korea Selatan telah ditandatangani dengan anggaran nilai kontrak secara keseluruhan boleh mencapai sebanyak RM20 juta setahun;
- (iv) Selain itu, Malaysia juga telah disenarai pendek sebagai lokasi pelaburan oleh pelabur utama dari Korea Selatan, Jepun dan

Perancis yang berminat untuk membuka kilang biomas berskala komersial; dan

- (v) Bagi membangunkan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) dalam industri biomas negara, Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) menerusi program Inisiatif Pengeluaran Lestari Biomas Malaysia-Kesatuan Eropah telah melahirkan sebanyak 50 PKS dan telah menghasilkan laporan Pelan Tindakan - "*Malaysian Biomass Industry Action Plan 2020 Driving SMEs Towards Sustainable Future*".

Berkenaan insentif kepada pengilang kelapa sawit bagi membangunkan keupayaan menjana kuasa melalui teknologi biomas, Kerajaan menerusi Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah menawarkan mekanisme *Feed-in Tariff* (FIT) khusus kepada sumber biomas melalui Jadual Akta Tenaga Boleh Baharu (TBB) 2011. Sehingga 30 April 2014, sebanyak 18 permohonan projek biomas iaitu 168.39MW telah diluluskan. Sebanyak 5 projek dengan kapasiti 52.50MW telah siap dan beroperasi. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) berjumlah RM3.5 billion turut disediakan oleh KeTTHA di mana, sebanyak 12 buah projek berkaitan dengan sektor penjanaan tenaga daripada biomas telah mendapat sijil hijau dengan jumlah kos keseluruhan komponen hijau bernilai RM437.1 juta. Selain itu, Program Transformasi Bioekonomi (BTP) yang diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan agensi pelaksana Malaysian Biotechnology Corporation turut menyediakan peruntukan sebanyak RM85 juta dalam bentuk pinjaman mudah di bawah Dana BTP bagi membantu para usahawan di bawah program tersebut.

Sekian. Terima kasih.